

KDNK menjelang tahun 2000

# Asia diramal atasi Amerika, Eropah

Oleh MANJA ISMAIL dan WAN HAMIDI HAMID

KUALA LUMPUR, Isnin — Ke-  
luaran Dalam Negara Kasar  
(KDNK) negara-negara Asia  
diramalkan mengatasi KDNK  
Amerika Syarikat dan Eropah  
menjelang tahun 2000, kata Per-  
dana Menteri, Datuk Seri Dr  
Mahathir Mohamad.

Katanya, ramalan itu adalah  
berdasarkan kemampuan nega-  
ra di benua Asia yang semakin  
berdikari di segi pertumbuhan  
ekonomi serta berjaya menarik  
lebih banyak pelaburan.

Sehubungan itu, menurutnya,  
dengan sokongan sesama nega-  
ra Asia, mereka dapat menu-  
buhkan pasaran sendiri yang  
secara automatik akan mewu-  
judkan pasaran dunia.

"Pada 1988, kadar pertumbu-  
han ekonomi Asia ialah 9.4 per-  
atus berbanding 4.1 peratus per-  
tumbuhan dunia. Tahun lalu,  
kadar pertumbuhan berku-  
rang kepada 5.4 peratus teta-  
pi ia tetap mengatasi 3.2 per-  
atus pertumbuhan dunia,"  
katanya dalam ucapan dasar di  
perasmian Kongres Pengikla-  
nan Asia di sini, hari ini.

Menurutnya, walaupun  
dengan kenaikan harga minyak  
dan kebimbangan mengenai ke-  
melesetan ekonomi, negara  
Asia akan terus maju bagi 1990  
dan 1991.

"Berasaskan jangkaan kadar  
pertumbuhan dunia ialah di an-  
tara dua dan 2.4 peratus bagi  
1990/1991, Tabung Kewangan  
Antarabangsa (IMF) men-  
jangka kadar pertumbuhan  
Asia akan mencapai lima pera-  
tus.

"Ini adalah tanda-tanda yang  
menunjukkan pertumbuhan pes-  
at yang membuktikan rekod  
kecemerlangan pertumbuhan  
dan pembangunan di kebanya-  
kan negara Asia," katanya.

Perdana Menteri berkata,  
Malaysia juga menuju ke arah  
pertumbuhan pesat sebagaima-

na yang berjaya dilaksanakan  
oleh Korea Selatan, Hong Kong,  
Singapura dan Taiwan.

Menurutnya, jika 1980-an  
dianggap sebagai dekad Nega-  
ra Perindustrian Baru (NIC),  
dekad 1990-an pula mungkin  
terkenal sebagai dekad Asia.

Sehubungan itu, Datuk Seri  
Dr Mahathir mengingatkan, ke-  
jayaan Asia akan menimbulkan  
kebimbangan di kalangan nega-  
ra Barat yang terpaksa  
menghadapi kenyataan bahawa  
mereka perlu bersaing  
dengan negara Asia.

"Mereka akan sentiasa menu-  
duh negara Asia, mendakwa ko-  
nonnya pembangunan ekonomi

Asia diperolehi melalui pena-  
fian hak asasi manusia dan pe-  
kerja, kerajaan tidak demokra-  
tik dan tidak mempedulikan  
alam sekitar," katanya.

Sebenarnya, Perdana Mente-  
ri menjelaskan, negara Asia  
yang membangun sentiasa be-  
rusaha menguasai barangan  
dan perkhidmatan yang diper-  
lukan di dunia dan memperbai-  
ki teknologi dalam bidang yang  
dikuasainya.

Katanya, ia berbeza dengan  
gesaan negara membangun  
yang memaksa pihak lain  
membelanjakan lebih daripada  
yang diperlukan serta melabur  
dalam teknologi yang mengga-

lakkan peperangan.

Bagi Malaysia, Datuk Seri Dr  
Mahathir berkata, jangkaan ka-  
dar pertumbuhan negara di an-  
tara tujuh dan lapan peratus se-  
lepas separuh penggal akan  
dijadikan asas kepada strategi  
kewangan kerajaan.

"Langkah mengswastakan  
246 agensi kerajaan yang berni-  
lai kira-kira \$16 bilion akan di-  
jadikan tumpuan utama kera-  
jaan pada tahun-tahun akan  
datang," katanya.

Menurutnya, sektor pembua-  
tan untuk eksport juga menjadi  
tumpuan utama negara, terma-  
suk mewujudkan kepelbagaian  
kepada barangan baru.